AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : NASIONAL

Majoriti rakyat lengkap vaksin baru pertimbang dos penggalak

Oleh Suzalina Halid
dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan memastikan penerimaan vaksin oleh rakyat negara ini ditingkatkan terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan pemberian dos penggalak bagi vaksin COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dalam satu perkongsian menerusi media sosial berkata, pemberian dos penggalak kepada mereka yang lengkap divaksin tidak akan membantu mengawal penularan varian Delta.

"Bagaimanapun, apa yang dapat mengawal penularan varian Delta adalah memberi vaksin kepada mereka yang belum divaksinkan," katanya, semalam.

Persoalan sama ada dos penggalak perlu diberi kepada mereka yang sudah lengkap divaksin atau sebaliknya sering menjadi perdebatan sejak kemunculan pelbagai varian berbahaya COVID-19.

Ia termasuk Delta yang boleh merebak dengan cepat dan lebih meluas berbanding sebelum ini.

Brazil dilapor menjadi antara negara yang akan mula memberikan dos penggalak kepada rakyatnya merangkumi golongan rentan dan yang berusia lebih 70 tahun, bermula bulan depan.

Penasihat dalam kerajaan di United Kingdom (UK) pula mencadangkan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 untuk individu yang mempunyai sistem ketahanan lemah.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Henti ambil pengamal perubatan am swasta hanya sementara

Putrajaya: Pemberhentian pembabitan pengamal perubatan am swasta (GP) dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) hanya untuk sementara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir, dalam kenyataan bersama, berkata keputusan itu dicapai selepas pihaknya membuat pelbagai penelitian dan faktor, seperti kapasiti pusat pemberian vaksin (PPV), jumlah vaksin, bekalan serta penduduk yang masih belum divaksinasi.

Mereka berkata, tinjauan rambang menunjukkan masih ada di Lembah Klang yang belum disuntik vaksin dan pendaftaran baharu program pelalian masih diterima melalui MySejahtera.

Katanya, dua kementerian itu harus menjelaskan perkara berkenaan supaya tidak disalah erti oleh masyarakat.

"Kebanyakan pendaftaran baharu ini ialah daripada warga asing, menyebabkan kami perlu memastikan satu susunan pendekatan sementara diambil kira, demi kelancaran vaksinasi.

"Antaranya, kami memberi penekanan kepada aturan logistik dan operasi yang cekap.

"Begitu juga skala dan kelajuan pelaksanaan vaksinasi di Lembah Klang, terutama mempertimbang keperluan untuk meneruskan momentum kawalan pandemik yang disaksikan di bawah Operasi Lonjakan Kapasiti," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) menjalin kerjasama dengan kira-kira 8,000 GP, bagi memastikan usaha negara mencapai imuniti kelompok dijayakan dengan lebih cepat.

Presidennya, Prof Datuk Dr M Subramaniam, berkata langkah itu penting memandangkan program pelalian menunjukkan peningkatan memberangsangkan dengan 50 peratus daripada populasi sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagaimapaun, CITF menafikan mengenai perkara itu dan memaklumkan sebaliknya, khidmat GP akan dipertimbang pada masa depan bagi menjamin kesinambungan usaha inokulasi, memandangkan tiada lagi PPV bakal beroperasi.

Penularan COVID-19

24,599 kes, 393 kematian angka tertinggi baharu

Selangor kekal teramai dengan 6,936 jangkitan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah jangkitan baharu dan kes kematian akibat COVID-19 semalam masing-masing mencatat rekod tertinggi baharu sejak penularan wabak itu dikesan di negara ini Februari tahun lalu.

Sebanyak 24,599 kes jangkitan baharu dilaporkan, manakala sejumlah 393 kes kematian direkodkan dengan 100 daripadanya berlaku di luar fasiliti kesihatan (BID).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata angka korban akibat COVID-19 di negara ini mencecah 15,211 kes atau 0.93 peratus daripada keseluruhan kes.

Selain itu, katanya, statistik terkini kes baharu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini kepada 1,640,843 kes.

"Semua negeri dan Wilayah Persekutuan mencatat jangkitan baharu, yang mana Selangor mendahului dengan 6,936 kes baharu, diikuti Sabah (3,487), Johor (2,785), Pulau Pinang (2,078), Sarawak (2,024), Kedah (1,538), Kelantan (1,312) dan Perak (1,170).

"Seterusnya Kuala Lumpur (881), Pahang (690), Terengganu (567), Negeri Sembilan (526), Melaka (515), Perlis (67), Putrajaya (20) dan Labuan (tiga).

"Sehingga kini, sebanyak 265,841 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 dicatat di negara ini.

"Daripada jumlah itu, 990 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 487 kes memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kebanyakan kes yang dilaporkan berada dalam kategori klinikal 1 dan 2 ketika diagnosis, iaitu 23,939 kes bersamaan 97.3 peratus daripada jumlah kes COVID-19.

Katanya, sebanyak 660 kes (2.7 peratus) berada dalam kategori 3, 4 dan 5, berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosis COVID-19.

Penerima vaksin menunggu untuk mendapatkan suntikan di Dewan Tun Canselor Multimedia University (MMU). (Foto Aziah Azmee/BH)

"Secara keseluruhan, 19,761 kes bersamaan 80.3 peratus pesakit yang dikesan hari ini (semalam) tiada atau belum lengkap vaksinasi," katanya.

Beliau memaklumkan, negara turut mencatat kes sembuh tertinggi dalam tempoh sebulan iaitu 22,657 kes, menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih ialah 1,359,791 kes atau 82.87 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, 35 kluster baharu dikesan semalam, membabitkan 20 di tempat kerja, komuniti (sembilan), kumpulan berisiko (empat) dan masing-masing satu kluster dalam pusat tahanan dan pendidikan.

Putrajaya catat bacaan Rt paling rendah

Dari Muka 1

Sementara itu, kadar kebolehjangkitan COVID-19 (Rt) Lembah Klang dan Negeri Sembilan direkodkan paling rendah kelmarin, berbanding Rt negeri lain dan peringkat nasional iaitu 1.02.

Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk dalam pemantauan Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley yang diwujudkan 9 Julai lalu, bagi menangani isu berkaitan COVID-19, seperti meningkatkan kadar vaksinasi yang menampakkan hasil dengan penurunan Rt.

Lembah Klang sudah mencapai imuniti kelompok dengan kira-kira 86 peratus penduduk dewasa berusia 18 tahun ke atas divaksin sehingga Selasa lalu.

Berdasarkan perkongsian Dr Noor Hisham, Putrajaya merekodkan bacaan Rt paling rendah, iaitu 0.80 diikuti Negeri Sembilan 0.82, Kuala Lumpur 0.87 dan Selangor 0.95.

Antara yang merekodkan bacaan Rt di bawah 1.0 iaitu ialah Labuan dengan 0.99, susulan mencapai 92.6 peratus vaksinasi lengkap dan merekodkan empat kes kelmarin.

Negeri dengan bacaan Rt tertinggi ialah Sarawak dan Perlis dengan masing-masing 1.22, diikuti Sabah 1.21 dan Pulau Pinang 1.12, Perak (1.09), 1.08 di Kedah dan Kelantan, Terengganu 1.04 serta Pahang 1.0.

Bacaan Rt nasional kekal 1.02 dalam tempoh dua hari berturut-turut sebelum dilaporkan menurun kepada 1.01 pada Isnin, berbanding 1.03 pada Ahad.

Dalam tempoh dua bulan, Rt tertinggi direkodkan ialah 1.16 pada 28 Julai lalu.

Berdasarkan Model Pembendungan Risiko, Pendedahan dan Jangkitan (SEIR) Unjuran dan Pemerhatian Kes Harian COVID-19 yang dikongsi Dr Noor Hisham, Rt boleh melonjak melebihi 1.2 dengan kes mencecah 22,000 jika berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP).

Mengikut rekod Kementerian Kesihatan (KKM), Rt terendah pernah dicatatkan pada 0.81 pada 3 Mac lalu.

Sementara itu, sejumlah 180,000 dos vaksin COVID-19 jenis CanSino dihantar ke Sabah semalam, untuk vaksinasi penduduk pedalaman.

Dr Noor Hisham berkata, penghantaran kumpulan kedua vaksin itu diharap dapat mempercepatkan proses vaksinasi kepada kumpulan sasar.

"Vaksin ini hanya memerlukan satu suntikan. Kita harap ia mempercepat dan memudahkan liputan vaksinasi khususnya di kawasan pedalaman dan kumpulan sasar yang dikenal pasti," katanya menerusi ciapan di Twitter, semalam.

Sebelum ini, Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor, meminta Sabah diberi keutamaan menerima CanSino dan memohon 1.8 juta dos vaksin jenis itu daripada Kerajaan Persekutuan.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Rose Nani Mudin, dilaporkan berkata, sebanyak 53,000 dos kumpulan pertama vaksin CanSino diterima Selasa lalu dan kumpulan seterusnya akan diterima secara berperingkat bermula bulan ini.

Terkini COVID-19
22,657 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam
24,599 Kes baharu disahkan, semalam
15,211 Jumlah kematian dicatat
1,640,843 jumlah kes disahkan positif
265,841 kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Record number of cases and deaths

PETALING JAYA: Covid-19 daily cases and deaths reached new record highs since the start of the pandemic with 24,599 cases and 393 deaths reported yesterday, says the Health Ministry.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said even though the daily figure recorded in the latest 24-hour span was the highest in the country, 23,939 cases (97.3%) were in Categories One and Two.

He added that 660 cases were in Categories Three, Four and Five.

"This is in line with the vaccination programme that is being carried out throughout the country.

"As at Aug 25, 40.8% of the total population, or 56.9% of the total adult population, in the country have received the vaccine (fully).

"In total, 19,761 cases (80.3%) recorded today (yesterday) did not receive the vaccine or had not completed their vaccination," he said.

Of the 393 deaths recorded yesterday, Dr Noor Hisham said 125 cases were from Selangor, 61 in Kuala Lumpur and 48 in Johor.

This was followed by Melaka (33), Penang (31), Sabah (26), Negri Sembilan (20), Kedah (15), Perak (15), Kelantan (nine), Pahang (eight), and Terengganu (two).

There were also 100 brought-in-dead cases with half of them being Malaysians.

Dr Noor Hisham noted that the country also saw the highest number of recoveries in the past month, at 22,657 cases.

The cumulative recoveries to date are 1,359,791 while the cumulative Covid-19 cases number 1,640,843.

Active Covid-19 infections now stand at 265,841 cases.

Currently, 990 patients are in intensive care, with 487 of them requiring ventilator support.

The infectivity rate of the country as at Aug 25 was 1.02, with the highest infectivity rate recorded in Sarawak and Perlis at 1.22 while in Sabah, it was 1.21 and in Penang, 1.12.

Watch the video TheStarTV.com



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : COVID-19

Booster bukan jawapan Delta

VOC boleh dikawal dengan peningkatan kadar vaksinasi dalam kalangan rakyat

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pemberian dos penggalak (*booster dose*) kepada mereka yang lengkap divaksinasi tidak akan membantu mengawal penularan varian Delta di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagaimanapun penularan varian delta dapat dikawal dengan memberi vaksin kepada mereka yang belum divaksinkan.

"Kita mesti tingkatkan liputan (suntikan) vaksin dalam negara terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan dos penggalak.

"Tiada sesiapa selamat sehingga semua orang selamat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, media melaporkan kajian baharu mengenai varian membimbangkan (VOC) Delta mendapati ia boleh membiak di dalam hidung individu yang sudah mendapat suntikan vaksin.

> *Kita mesti tingkatkan liputan (suntikan) vaksin dalam negara terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan dos penggalak"*
>
> **Dr Noor Hisham**

Keadaan itu disifatkan sama seperti individu yang belum divaksinasi.

Dr Noor Hisham dipetik berkata, kajian awal terhadap satu kes jangkitan mendapati varian Delta membiak di hidung individu yang sudah divaksinasi seolah-olah belum mendapat vaksin.

Ia bermaksud individu yang sudah divaksin tetap menyebarkan virus berkenaan serta menjangkiti orang lain.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : COVID-19

24,599 kes, 393 maut

Angka tertinggi sejak pandemik

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia mencatatkan kes harian dan kematian akibat Covid-19 tertinggi sejak pandemik melanda negara apabila sebanyak 24,599 kes baharu dengan 393 kematian direkodkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pada masa sama negara turut merekodkan kes sembuh tertinggi dalam tempoh sebulan iaitu sebanyak 22,657 kes.

Menurutnya, secara keseluruhan bagi kes baharu yang dikesan semalam mendapati 19,761 kes iaitu 80.33 peratus dalam kalangan individu yang tiada atau belum lengkap vaksinasi.

"Walaupun pada hari ini (semalam) negara mencatatkan jumlah kes tertinggi sepanjang pandemik, kebanyakan kes dilaporkan berada di kategori satu dengan 11,389 kes atau 46.3 peratus dan kategori dua (12,550 kes atau 51 peratus).

"Manakala kategori tiga iaitu mempunyai radang paru-paru 197 kes atau 0.8 peratus manakala kategori empat yang memerlukan bantuan oksigen (118 kes, 0.5 peratus) dan kategori lima yang menggunakan ventilator (345 kes, 1.4 peratus).

"Ini seiring dengan program vaksinasi yang giat dijalankan. Setakat semalam (kelmarin), sebanyak 40.8 peratus daripada keseluruhan populasi di Malaysia sudah menerima vaksin," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 990 pesakit sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 487 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Selain itu, beliau berkata, kes kematian semalam membabitkan 125 kes di Selangor, Kuala Lumpur (61), Johor (48), Melaka (33), Pulau Pinang (31), Sabah (26), Negeri Sembilan (20), Kedah (15), Perak (15), Kelantan (9), Pahang (8) dan Terengganu (2).

"Sebanyak 100 kes kematian di luar hospital (BID) dilaporkan iaitu masing-masing 50 warganegara dan 50 warga asing," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, Selangor merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 6,936 kes, diikuti Sabah (3,487 kes); Johor (2,785 kes); Pulau Pinang (2,078 kes); Sarawak (2,024 kes); Kedah (1,538 kes); Kelantan (1,312 kes); Perak (1,170 kes) dan Kuala Lumpur (881 kes).

Menurutnya, selain itu, Pahang mencatatkan sebanyak 690 kes; Terengganu (567 kes); Negeri Sembilan (526 kes); Melaka (515 kes); Perlis (67 kes); Putrajaya (20 kes) dan Labuan (tiga kes).

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : COVID-19

180,000 dos CanSino dihantar ke Sabah

Putrajaya: Sebanyak 180,000 dos vaksin CanSino dihantar ke Sabah semalam, khusus untuk diberikan kepada penduduk kawasan pedalaman.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, vaksin CanSino yang hanya memerlukan satu suntikan diharap dapat mempercepatkan proses vaksinasi kepada kumpulan sasar di negeri berkenaan.

"Ingin dimaklumkan, 180,000 dos vaksin satu suntikan CanSino sudah dihantar ke Sabah. Diharap vaksin CanSino dapat mempercepatkan dan memudahkan liputan vaksinasi khususnya di kawasan pedalaman dan kumpulan sasar yang dikenal pasti," katanya menerusi ciapan di Twitter di sini, semalam.

Terdahulu, Ketua Menteri Hajiji Noor dilaporkan berkata, kerajaan negeri mengemukakan permohonan supaya Sabah diberi keutamaan menerima CanSino dan sudah memohon 1.8 juta dos vaksin jenis itu daripada kerajaan Persekutuan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : COVID-19

HENTI PEMBABITAN GP SWASTA DALAM PICK

Tindakan buat sementara saja

KEBANYAKAN pendaftaran baharu di MySejahtera membabitkan warga asing.

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Pemberhentian pembabitan pengamal perubatan am swasta (GP) dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) hanyalah bersifat sementara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir dalam satu kenyataan bersama berkata, selaku dua kementerian ditugaskan bagi memastikan kelancaran Pick, mereka harus menjelaskan perkara itu supaya tidak disalah erti oleh masyarakat.

Katanya, keputusan menghentikan pembabitan GP untuk sementara waktu dicapai selepas pihaknya membuat penelitian dan faktor seperti data kapasiti pusat pemberian vaksin (PPV), jumlah vaksin, bekalan serta penduduk yang masih belum divaksinasi.

"Kami akui tinjauan rambang menunjukkan masih ada lagi di Lembah Klang belum disuntik vaksin. Begitu juga dengan pendaftaran baharu untuk Pick yang masih diterima melalui MySejahtera.

"Untuk makluman, kebanyakan pendaftaran baharu ini daripada warga asing, menyebabkan kami perlu memastikan satu susunan pendekatan sementara diambil kira demi kelancaran Pick.

> "Kebanyakan pendaftaran baharu ini daripada warga asing
> Dr Noor Hisham

"Kami beri penekanan kepada aturan logistik dan operasi yang cekap. Begitu juga dengan skala dan kelajuan pelaksanaan vaksinasi di Lembah Klang terutama mempertimbangkan keperluan meneruskan momentum kawalan pandemik yang disaksikan bawah Operasi Lonjakan Kapasiti," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Hanya imuniti kelompok dapat mengawal pandemik daripada terus menular

Booster tak bantu kawal varian Delta

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Pemberian dos penggalak (*booster dose*) kepada mereka yang telah lengkap divaksinkan tidak akan membantu mengawal penularan varian Delta.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bagaimanapun apa yang dapat mengawal penularan varian Delta adalah untuk memberi vaksin kepada mereka yang belum divaksinasi.

"Justeru, kita mesti meningkatkan liputan vaksin dalam negara terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan dos penggalak.

"Tiada sesiapa yang selamat sehingga semua orang selamat," katanya menerusi ciapan di Twitter rasmi beliau semalam.

Media melaporkan, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) disarankan memulakan perancangan untuk memberikan dos penggalak vaksin Covid-19 kepada petugas kesihatan awam dan swasta selepas negara berjaya menyelesaikan pemberian vaksinasi kepada populasi dewasa tidak lama lagi.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh dilaporkan berkata, kumpulan pertama petugas kesihatan yang telah menerima vaksinasi lengkap mencapai tempoh masa enam bulan adalah pada bulan depan.

Beliau dipetik berkata, kebimbangan penularan pantas varian baharu di seluruh negara dan di kebanyakan negara lain di dunia boleh merisikokan para petugas kesihatan dan berkemungkinan dijangkiti Covid-19 dengan komplikasi serius sekiranya dos awal tidak lagi berkesan.



ANGGOTA keselamatan memantau orang ramai yang beratur untuk mendapatkan vaksin secara *walk-in* di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Beli Belah Galaxy Ampang, Selangor semalam. – MUHAMAD IQBAL ROSLI

Pecah rekod, kes harian hampiri 25,000 dengan 393 kematian

PUTRAJAYA – Sebanyak 24,599 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah tertinggi pernah dilaporkan sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara sejak Mac tahun lalu.

Setakat semalam negara mencatatkan jumlah keseluruhan pesakit dijangkiti sebanyak 1,640,843 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor merekodkan sebanyak 6,936 kes, diikuti oleh Sabah 3,487 kes, Johor 2,785 kes, Pulau Pinang 2,078 kes, Sarawak 2,024 kes dan Kedah 1,538 kes.

(Kelantan pula mencatat 1,312 kes, Perak 1,170 kes, Kuala Lumpur 881 kes, Pahang 690 kes, Terengganu 567 kes, Negeri Sembilan 526 kes dan Melaka 515 kes.

"Selebihnya, Perlis 67 kes, Putrajaya 20 kes dan Labuan tiga kes," katanya di Facebook beliau di sini semalam.

Dalam pada itu, pesakit meninggal dunia yang dilaporkan semalam turut mencecah rekod tertinggi dengan 393 kematian.

Pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian dalam negara akibat Covid-19 kini kini mencecah 15,211 kes.

Dr. Noor Hisham berkata, ia melibatkan 294 warga Malaysia dan 99 warga asing, manakala 100 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

Menurut beliau, kes BID tersebut melibatkan 50 warga Malaysia dan 50 warga asing.

"Kes aktif pula sebanyak 265,841 kes dengan 990 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dan 487 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 22,657 kes sembuh menjadikan jumlah kes sembuh terkini sebanyak 1,359,791 kes," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan data terkini pada 25 Ogos 2021, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.02 kekal berbanding sehari sebelumnya.

Negeri yang mencatatkan nilai RT yang tertinggi adalah Perlis dan Sarawak (nilai RT 1.22), diikuti oleh Sabah (nilai RT 1.21).

Semua negeri mencatatkan nilai RT melebihi 1.0 adalah Terengganu (nilai RT 1.04), Perak (nilai RT 1.09), Pahang (nilai RT 1.00), Kedah (nilai RT 1.08), Kelantan (nilai RT 1.08), Johor (nilai RT 1.05) dan Pulau Pinang (nilai RT 1.12).

Selain itu, Selangor (nilai RT 0.95), Kuala Lumpur (nilai RT 0.87), Putrajaya (nilai RT 0.80), Negeri Sembilan (nilai RT 0.82) dan Melaka (nilai RT 0.99).

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	24,599
Import:	8
Tempatan:	24,591
Pulih	22,657
• Kematian	393
• Masih dirawat	265,841
• Jumlah kes sembuh	1,359,791
• Jumlah Kematian	15,211
Jumlah kes keseluruhan	1,640,843

Penjawat awam perlu segera daftar vaksin

PUTRAJAYA – Penjawat awam disarankan supaya segera berdaftar bagi mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 dan tidak melengah-lengahkan lagi pendaftaran itu.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman berkata, pendaftaran segera bagi mendapatkan vaksin mampu melindungi diri sendiri daripada kesan lebih memudaratkan.

Katanya, berdasarkan data klinikal dijelaskan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah pada 19 Ogos lalu, hanya 0.03 peratus jumlah kematian akibat Covid-19 membabitkan individu lengkap vaksin.

"Manakala, hanya 0.6 peratus kematian pula membabitkan individu yang menerima sekurang-kurangnya satu dos.

"Justeru, seluruh rakyat Malaysia termasuk penjawat awam perlu bersatu memberikan komitmen sepenuh hati dalam menyahut misi bagi mencapai imuniti kelompok melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK)," katanya berucap pada majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara maya semalam.

MOHD. KHAIRUL ADIB

Beliau juga mahu penjawat awam supaya lebih bertanggungjawab memberi penerangan betul terhadap kepentingan mendapatkan vaksinasi khususnya kepada keluarga terdekat dan masyarakat.

Tambahnya, seramai 2,430 penjawat awam telah ditugaskan semula ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) dalam inisiatif mobilisasi penjawat awam dan aset kerajaan bagi mengekang pandemik ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

180,000 dos vaksin CanSino dihantar ke Sabah

KOTA KINABALU - Sebanyak 180,000 dos vaksin Covid-19 jenis CanSino telah dihantar ke Sabah, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"Ingin dimaklumkan sejumlah 180,000 dos vaksin satu suntikan CanSino telah pun dihantar ke negeri Sabah.

"Diharapkan vaksin CanSino dapat mempercepatkan dan memudahkan liputan vaksinisasi khususnya di kawasan pedalaman dan kumpulan sasar yang telah dikenal pasti," katanya menerusi laman sosial Facebook dan Twitter pada Khamis.

Pada Selasa lepas, Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Rose Nani Mudin dilaporkan berkata, Sabah pada hari itu menerima kumpulan pertama vaksin Covid-19 jenis CanSino sebanyak 53,000 dos manakala kumpulan seterusnya dijangka diterima pada bulan ini. - *Bernama*

Sebanyak 180,000 dos vaksin Covid-19 jenis CanSino telah dihantar ke Sabah.

24,599 positif, rekod harian tertinggi

Beberapa negeri mencatatkan peningkatan ketara kes positif pada Khamis

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Unjuran permodelan oleh Institut Kesihatan Negara (NIH) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Julai menunjukkan negara sepatutnya mencapai kes harian 24,000 pada September depan.

Bagaimanapun, ia telah direkodkan pada Khamis selepas 24,599 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan.

Angka tersebut merupakan tertinggi yang pernah dilaporkan sejak pandemik Covid-19 melanda Malaysia pada Februari tahun lalu.

Beberapa negeri mencatatkan peningkatan ketara iaitu Johor, 2,785 kes berbanding Rabu dengan 1,832 kes, manakala Sarawak yang turut bergelut dengan varian Delta pula merekodkan 2,024 kes berbanding hari sebelumnya 1,667 kes.

DR NOOR HISHAM

Sebanyak 651 pertambahan kes juga direkodkan di Pulau Pinang menjadikannya 2,078 kes.

KKM melaporkan sebanyak 3,487 kes di Sabah, Pahang (690), Melaka (515), Perlis (67) selain Selangor kekal tertinggi iaitu 6,936 kes.

Negeri yang merekodkan penurunan kes adalah Kelantan (1,312), Perak (1,170), Kuala Lumpur (881), Terengganu (567), Putrajaya (20), Labuan (tiga).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 1,640,843 kes.

Menurutnya, negara turut mencatatkan kes sembuh tertinggi dalam tempoh sebulan yang lepas iaitu sebanyak 22,657 kes sekali gus menjadikan jumlah keseluruhannya 1,359,791 kes sembuh.

"Jika dibandingkan pada 25 Julai, jumlah kes yang didiscaj dari hospital adalah 1,562 orang dan jumlah ini meningkat kepada 2,153 orang pada 25 Ogos. Ia adalah petanda positif.

"Walaupun pada hari ini (Khamis) negara mencatatkan jumlah kes tertinggi sepanjang pandemik, kebanyakan kes yang dilaporkan adalah berada di kategori klinikal satu dan dua semasa didiagnosa iaitu 23,939 kes daripada keseluruhan kes," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata, sebanyak 660 kes pula adalah daripada kategori tiga dan ke atas.

"Jumlah ini seiring dengan program vaksinasi yang semakin giat dijalankan di seluruh negeri di mana sehingga 25 Ogos sebanyak 56.9 peratus daripada keseluruhan populasi dewasa di seluruh negara telah menerima vaksin.

"Secara keseluruhan, 19,761 kes atau 80.3 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini tiada atau tidak lengkap vaksinasi," katanya.

Menurutnya, terdapat 265,841 kes aktif di seluruh negara direkodkan dengan penurunan kes di unit rawatan rapi (ICU) iaitu 990 berbanding sebelum ini dan 487 kes pula memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, sebanyak 393 kes kematian dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhannya 15,211 kes.

"Kes berkenaan membabitkan 294 rakyat tempatan dan 99 warga asing dengan 100 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

"Kes BID terdiri daripada 50 rakyat tempatan dan 50 warga asing," katanya.

Sementara itu, KKM mengenal pasti 35 kluster baharu Covid-19 yang terdiri daripada 20 kluster tempat kerja dan sembilan kluster komuniti.

Turut dikenal pasti, tiga kluster kumpulan berisiko tinggi dan masing-masing satu kluster pusat tahanan serta kluster pendidikan lain.

Jumlah keseluruhan kluster adalah 4,583 dan 3,112 telah disytiharkan tamat, manakala 1,471 lagi masih aktif serta merekodkan pertambahan kes.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dos penggalak tak bantu kawal varian Delta

PUTRAJAYA: Pemberian dos penggalak kepada mereka yang lengkap divaksinkan tidak akan membantu mengawal penularan varian Delta.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, penularan varian Delta mampu dikawal melalui pemberian vaksin kepada mereka yang belum divaksinkan.

"Justeru, kita mesti meningkatkan liputan vaksin dalam negara terlebih dahulu sebelum mempertimbang dos penggalak.

"Tiada sesiapa yang selamat sehingga semua orang selamat," katanya menerusi ciapan di Twitter rasmi beliau semalam.

SEBAHAGIAN daripada 59 Orang Asli Seletar yang positif Covid-19 menaiki bas untuk dihantar ke PKRC Hospital Permai di Kampung Orang Asli Kuala Masai, Pasir Gudang, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR

Sebelum ini Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) disaran memulakan perancangan untuk memberikan dos penggalak vaksin Covid-19 kepada petugas kesihatan awam dan swasta selepas negara berjaya menyelesaikan pemberian vaksinasi kepada populasi dewasa tidak lama lagi.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh dilaporkan berkata, kumpulan pertama petugas kesihatan yang telah menerima vaksinasi lengkap mencapai tempoh masa enam bulan adalah pada bulan depan.

Beliau berkata, kebimbangan penularan pantas varian baharu di seluruh negara dan di kebanyakan negara lain di dunia boleh merisikokan para petugas kesihatan dan berkemungkinan dijangkiti Covid-19 dengan komplikasi serius sekiranya dos awal tidak lagi berkesan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

RECORD DAILY CASES

NEW HIGH OF 24,599 COVID-19 CASES

Selangor still the state with most daily infections at 6,936

TEOH PEI YING
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

Enforcement officers checking on standard operating procedures compliance at the Bazaar@Presint8 commercial centre in Putrajaya yesterday. PIC BY AZHAR RAMLI

MALAYSIA'S daily tally of Covid-19 infections hit a new high with 24,599 cases logged up to noon yesterday, with Selangor still topping the list, followed by Sabah, Johor, Sarawak and Penang.

The previous record of 23,564 cases was set on Aug 20.

The number of daily deaths was also a record high of 393 cases, of which 100 were brought in dead (BID). Malaysians made up 294 of yesterday's death toll.

Previous highest deaths was on Aug 2, where 379 people died of Covid-19.

This brings the country's total number of deaths to 15,211.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Malaysia had recorded 1,640,843 Covid-19 cases since the pandemic began.

Selangor reported 6,936 infections yesterday, followed by Sabah with 3,487, and Johor with 2,785.

Other states with four-digit cases were Penang (2,078), Sarawak (2,024), Kedah (1,538), Kelantan (1,312) and Perak (1,170). Kuala Lumpur reported 881 cases, followed by Pahang (690), Terengganu (567), Negri Sembilan (526) and Melaka (515).

Perlis, Putrajaya and Labuan logged 67, 20 and three cases respectively.

Up to noon yesterday, 22,657 people recovered from Covid-19. But 990 patients are still in intensive care, with 487 of them requiring respiratory support, said Dr Noor Hisham.

Earlier, he said the infectivity rate, or R-naught (Rt), in the Klang Valley and Negri Sembilan were among the lowest in the country.

He said the Rt in these states was now below 1.0.

He said these states had also achieved herd immunity, with 86 per cent of their adult population fully vaccinated up to Tuesday.

Dr Noor Hisham said Putrajaya recorded the lowest Rt with 0.80, followed by Negri Sembilan (0.82), Kuala Lumpur (0.87) and Selangor (0.95).

Another state with an Rt below 1.0 is Melaka at 0.99.

Labuan, which has a 92.6 per cent vaccination rate, only reported four cases.

States with the highest Rt are Sarawak and Perlis at 1.22 each.

This is followed by Sabah (1.21), Penang (1.12), Perak (1.09), Kedah and Kelantan (1.08), Terengganu (1.04) and Pahang (1.0).

The national Rt remains at 1.02 for the second day. It was 1.01 on Monday and 1.03 on Sunday.

According to the Health Ministry's projection, Covid-19 cases will continue to breach the 22,000 mark if the Rt exceeds 1.2 as a result of poor compliance with standard operating procedures.

On whether booster shots would be needed, Dr Noor Hisham said it would not help control the spread of the Delta variant.

"What will help control the spread is vaccinating those who have yet to be vaccinated.

"We must increase vaccination coverage in the country before considering booster shots. No one is safe until everyone is safe," he tweeted on Wednesday.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

ASSISTING STATES IN NEED

LABUAN HEALTH WORKERS REDEPLOYED

Teams sent to Sabah, Kelantan and Penang, says island FT's health director

People queuing at the Covid-19 Assessment Centre in Dewan Boling Padang in Likas, Kota Kinabalu, yesterday. PIC BY MOHD ADAM ARININ

(Inset) Labuan Health director Dr Ismuni Bohari says Labuan healthcare personnel are able to help their counterparts in states that are experiencing a surge in Covid-19 cases.

LABUAN

TEAMS of healthcare workers from Labuan have been deployed to Sabah, Kelantan and Penang after these states experienced a surge in Covid-19 cases, said Labuan Health director Dr Ismuni Bohari.

He said staff from the island federal territory's Health Department were sent to Tawau, Sabah, on Aug 11, and Kelantan and Penang on Aug 24.

At least 11 nurses and four assistant medical officers (AMOs) were sent to Tawau and three AMOs each to Penang and Kelantan, he said.

"We are continuing to mobilise aid teams in stages to be sent to other states," he told Bernama yesterday.

Dr Ismuni said since the Covid-19 caseload on Labuan had dropped, its healthcare personnel were in a position to help their counterparts in the peninsula, Sabah and Sarawak.

Tawau is among the districts badly hit by the recent surge in Covid-19 in Sabah, with 34 localities under the Enhanced Movement Control Order.

"As we have moved into Phase 4 of the National Recovery Plan, having achieved the highest vaccination rate in the country and lower daily cases, we should do our part to assist those in need of our expertise," Dr Ismuni said.

He said the Labuan Health Department would continue to assess the Covid-19 risk on the island.

"We must not be complacent with the current situation, as new clusters may emerge and cases skyrocket when people become complacent with the standard operating procedures (SOP)," he said.

According to the Labuan Covid-19 Immunisation Task Force, 97.32 per cent, or 66,668, of adults on this island off Sabah had been completely vaccinated, up to Wednesday.

In **Shah Alam**, 53,571 workers in various industries in Selangor have been found positive for Covid-19 via screenings conducted at their respective workplaces since July.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the workers were screened by employers before returning to work or because they were a close contact of infected colleagues.

He said some workers went to a private facility on their own initiative.

"The total made up approximately 17.1 per cent of the cases identified in Selangor since July.

"Of the total, 62 per cent (33,214 individuals) were from the manufacturing sector, 14.5 per cent (7,768) were from the services sector, 13.5 per cent (7,232) were from the construction sector and 10 per cent (5,357) were from the trade sector," he told the Selangor assembly sitting yesterday.

Amirudin was responding to Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (Pas-Sijangkang), who asked about Covid-19 clusters in industrial areas in the state.

He said based on Selangor Health Department data, between July 13 and Aug 23, 79 factories were ordered shut after failing to adhere to SOP.

"Out of the 220 checks by the state health enforcement teams in the manufacturing sector, about 19 per cent or 43 premises were slapped with compounds, while 36 per cent or 79 premises were ordered shut for seven days to improve the condition of the facility.

"The remaining 45 per cent or 99 premises followed the SOP.

"Such inspections will be continued from time to time to ensure all operate in accordance with the SOP and provision of the law."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

JOINT STATEMENT

Move to halt private GPs' involvement in NIP only temporary

PUTRAJAYA: The move to halt the involvement of private general practitioners (GPs) in the Covid-19 National Immunisation Programme (NIP) is only temporary.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah and Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir, in a joint statement, said the decision to halt the involvement of private GPs for now was reached after various studies and factors, such as data on the capacity of the vaccination centres (PPV), the number of vaccines and supplies, along with the population who have yet to be vaccinated.

"We acknowledge that random surveys conducted show that there were still many in the Klang Valley who have yet to be vaccinated.

"The same applies to new registrations for vaccinations, which is still ongoing via the MySejahtera application.

"For the record, most of these new registrations were foreigners. As such, we have to make sure that an arrangement on temporary approach is taken into account for the smooth running of the NIP.

"We are also emphasising efficient logistical and operational arrangements and similarly, the scale and speed of vaccination in the Klang Valley, especially considering the need to continue the pandemic control momentum under Operation Surge Capacity," they said in the statement.



People waiting to get the Covid-19 vaccination at the Multimedia University vaccination centre in Cyberjaya yesterday. PIC BY

The Malaysian Medical Association recently called on the Covid-19 Immunisation Task Force (CITF) to work with more than 8,000 GPs nationwide to ensure the country's efforts to achieve herd immunity materialised quickly.

Its president, Datuk Dr Subramaniam Muniandy, said the move was important as the NIP showed an encouraging increase with 50 per cent of the population having received at least one dose.

CITF said the services of GPs would be considered in the future to ensure the continuity of inoculation efforts, as PPVs would not be operating at that time.

Meanwhile, the same joint statement said the involvement of GPs in states other than the Klang Valley was continuing as usual.

"However, in the future, the administration of booster doses, vaccinations for teenagers (aged between 12 and 17), as well as vaccination for new registrants will be under the Health Ministry.

"The operation requires careful discussion, including expert views formulated into policy with approval at various levels.

"In short, the announcement on the involvement of GPs and other parties will be decided in line with the procedures that will be arranged for this purpose," they said.

Dr Noor Hisham and Siti Hamisah said the involvement of private GPs began in May when ProtectHealth Corporation Sdn Bhd, a company under the Health Ministry, invited the GPs to participate in the NIP.

"To date, 1,688 out of 7,000 GPs nationwide were involved in the NIP. As of Tuesday, out of 32,212,527 vaccination doses administered nationwide under the NIP, a total of 1,087,813 million doses had been dispensed by GPs.

"This constitutes 3.4 per cent of the total vaccines administered through the NIP. Apart from GPs, 471 other organisations comprising private hospitals, private places, and industries were also involved in the NIP."

They said GPs' involvement had contributed to the success of the recent Operation Surge Capacity, which saw most Klang Valley residents being vaccinated. **By Noor Atiqah Sulaiman**